

19/10/2000

Hasilkan karya bertemakan era siber dan teknologi

Mohd Hanif Mat Nor

BANYAK faktor mendorong saya menyeru penulis tanah air menulis karya bertemakan siber, teknologi mahupun sains fiksyen.

Negara sedang menuju negara maju. Kepentingan sains dan teknologi tidak dapat disangkal. Karya Malaysia tidak banyak menyorot tema sedemikian. Sedangkan karya adalah penghubung dan gambaran utama masyarakat. Oleh itu, arus perdana sastera perlu berkembang seiring dengan kemajuan negara. Kalau tidak, sastera akan terkebelakang. Nanti, ada pihak mendakwa sastera kita lapuk. Selalu membawa tema yang seakan-akan sama, yang itu itu juga. Konvensional. Klise pula jadinya.

Menyoorot perkembangan terkini, di ibu kota berlangsung Minggu Angkasa Sedunia. Sempena minggu berkenaan pelbagai pameran berkaitan aeroangkasa diadakan. Anak kita tentunya tidak melepaskan peluang menyaksikan kecanggihan teknologi yang dipamerkan di Planaterium Negara, Kuala Lumpur itu.

Bagi anak pintar, mereka suka bertanya, adakah karya kita menyorot kehebatan aeroangkasa? Agak sukar menjawabnya. Nak dikatakan ada, sukar memberi contohnya. Mahu saja dinyatakan tiada, nanti maruah sastera jatuh. Jadi kita sebenarnya dalam serba salah.

Negara menuju Wawasan 2020. Sembilan agenda besar diutarakan. Bagaimana genre sastera dapat memenuhi keperluan kepesatan ledakan teknologi maklumat? Pada alaf baru, maklumat berada di hujung jari. Era globalisasi menjadikan dunia tanpa sempadan. Sudah bersediakah sastera Malaysia memasuki era kepesatan kemajuan ini? Jika belum, perlulah mengorak langkah, menjadikan karya pemangkin kemajuan mengikut acuan sendiri.

Saya teringat ucapan Pengerusi Pena (Penulis Nasional), Datuk Ahmad Sebi yang menyarankan agar penulis menghasilkan karya selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

Saranan beliau disampaikan pada Mesyuarat Agung Pena yang lalu, menampakkan beliau pemimpin bervisi dan berpandangan jauh. Setiap penulis patut menyokong penuh cadangan berkenaan. Kita tidak mahu sastera kita berkisar pada persoalan konvensional. Jadi, kepada penulis, sambutlah cabaran orang kuat Pena untuk menjamin kemajuan sastera kita. Keluarlah dari jalur konvensional dan tonjolkan tema berlainan.

Pada 26 September 2000, negara mencatat sejarah dengan pelancaran mikrosatelit pertama, Tiungsat-1 dilancarkan dari Balkonur Cosmodroma jam 6.05 petang waktu Malaysia, menggunakan kenderaan pelancar, Dnepr.

Tiungsat-1 berupaya mengambil gambar muka bumi negara untuk kegunaan pemantauan sumber semula jadi serta pemantauan perhutanan, pertanian dan pencemaran. Tiungsat-1 juga dilaporkan mempunyai kamera resolusi tinggi, dapat mengambil imej cuaca negara bagi pemantauan kejadian bencana alam.

Biarpun Tiungsat-1 usaha sama negara dengan teknologi luar, namun Bahagian Kajian Angkasa (Baksa) sebagai Penyelaras Pemindahan Teknologi, diharap dapat memindahkan teknologi sepenuhnya ke Malaysia. Rakyat tentunya berbangga kerana satelit ini dikendalikan rakyat Malaysia dari satelit bumi di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bersesuaian dengan penerokanan teknologi satelit ini, ikut diharapkan ialah penulisan berkaitan sains fiksyen dapat dipertingkatkan. Semoga dapat menyeimbangkan kepesatan teknologi dengan perkembangan perdana sastera negara.

Lebih hebat, selepas kejayaan mencipta kereta buatan sendiri, ada ura-ura untuk membuat Pesawat Eagle pula. Lebih canggih lagi, negara akan

mencipta pesawat tanpa juruterbang. Perkara ini dinyatakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika pertemuan dengan pelajar kita di luar negara, dalam sesi soal jawabnya.

Perkembangan bidang sains dan teknologi begitu cepat. Bagaimana kalau kita tidak ikut serta dalam kepesatan ini? Tentunya kita ketinggalan kerana asyik dengan dunia 'di bawah tempurung' kita saja. Langkah terbaik, menerapkan kecanggihan sains dan teknologi ke dalam karya dilahirkan nanti. Anak kita nanti akan mempunyai bahan bacaan yang boleh mengembangkan minda seiring arus kemodenan jika kita mengusahakannya sekarang.

Tidak dinafikan, telah ada usaha seperti mengadakan pertandingan menulis karya bertemakan sains terutama bagi kategori para pelajar. Puisi sains, cerpen sains, novel sains sering kita dengar. Namun setakat mana ilmu bantu berkaitan perkembangan sains dan teknologi diterapkan dalam karya? Rasanya kurang mencukupi. Oleh itu, tepat pada masanya penulis tanah air tampil menyahut cabaran, menggunakan alat bantu bagi menghasilkan karya bermutu bertemakan sains serta teknologi.

Melihat ke belakang, karya kita yang lebih mirip pada sains fiksyen, saya terjumpa hasil buah tangan Rahmat Haroun. Novel beliau Di. Ar. Ti, diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1989, cukup baik untuk menjadi landasan mengajak penulis lain menyemarakkan penulisan berkaitan dengan bidang yang sama.

Di. Ar. Ti, novel berlatarbelakangkan dunia perubatan. Banyak istilah perubatan digunakan. Kelebihan novel ini, diterapkan ciri sains fiksyen. Selain itu, terdapat gabungan ilmu bantu seperti ilmu psikologi dan perubatan. Md Khairi Abd Rahman, seorang pakar Psikologi berpendapat, novel ini berjaya menggunakan istilah psikologi dengan tepat dalam dialog dan penceritaan. Beliau juga mendakwa novel ini adalah karya sains fiksyen Melayu pertama masa itu.

Novel ini mengisahkan detik cemas mahasiswa perubatan menjalankan kajian dan penyelidikan, sebab kematian manusia dalam jumlah yang tinggi. Pelbagai peristiwa ngeri, cemas, lucu dan menakutkan digambarkan. Pembunuhan sebenarnya dirancang untuk tujuan komersil, mengambil organ manusia untuk dipasarkan di luar negara. Pekerjaan terkutuk ini akhirnya terbongkar juga.

Apakah Rahmat Haroun saja mampu menulis karya sebegini? Adakah aliran dan kelulusan, memungkinan beliau berjaya menulis berkaitan dunianya dengan berhasil?

Apakah orang tidak terbabit dengan ilmu berkaitan, tidak mampu mengambil alat bantu dalam pelbagai ilmu untuk diadunkan dalam karya mereka?

Semua ini permasalahan yang bisa dijawab penulis kita. Fikirkanlah kepentingan karya untuk perkembangan pemikiran anak cucu kita. Biarlah sastera kita terisi dengan ilmu yang selaras dengan kemajuan negara. Jangan dikatakan nanti, sastera kita tidak sensitif dengan perkembangan semasa.

(END)